

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JUN 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 22

## 12 syarikat negara kita tersenarai!



DENGAN unjuran ini, Malaysia dijangka akan terus menjadi negara yang berpotensi di Asia Tenggara.

15 SAHAM SYARIKAT CATAT PRESTASI PALING BAIK DI ASIA TENGGARA

# 12 SYARIKAT NEGARA KITA TERSENARAI!

Bernama  
Nibong Tebal

Sebanyak 12 syarikat Malaysia disenarai dalam 15 saham syarikat yang mencatatkan prestasi paling baik di Asia Tenggara untuk tempoh lima bulan pertama tahun ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, pementau ekonomi menyenarai 15 saham syarikat yang mencatatkan keuntungan paling mendadak di Asia Tenggara dan 12 daripadanya adalah syarikat Malaysia, sekali gus menunjukkan negara kembali berada di landasan baik di bawah pemerintahan Kerajaan Perpaduan.

"Kestabilan politik sudah ada, mata wang Malaysia juga antara paling baik pada tahun ini dari segi pengukuhan dan dengan unjuran ini, negara kita dijangka akan terus menjadi negara yang berpotensi di Asia Tenggara.

"Kita mula melihat tanda-tanda ekonomi yang semakin

baik, jika ini berterusan, unjuran menjelang 2023, 2028, Malaysia boleh diiktiraf dan diumumkan sebagai sebuah negara maju yang baharu," katanya dalam ucapan pada Majlis Pelancaran Jentera Perpaduan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Bakap di sini, malam kelmarin.

Mengenai harga minyak dan pelaksanaan penyusunan subsidi diesel, beliau juga juga Tumbalan Presiden PKR berkata

dahulu, harga minyak sebanyak RM6.90 dan subsidi kerajaan berjumlah RM3 bilion daripada bajet bernilai lebih RM200 bilion.

"(Tetapi

sekarang, subsidi berjumlah RM60 bilion, harga minyak mentah AS\$80. Saya sebut dahulu, kalau harga minyak mentah rendah dan subsidi masih boleh ditanggung, kenapa hendak hapuskan subsidi.

"Sekarang, apabila subsidi mencecah RM60 bilion, nak buat sekolah tak boleh, naik gaji tak boleh dan subsidi yang harga rendah itu yang dapatnya orang kaya, bukannya lebih baik (jika) kita alihkan subsidi itu.

"Maksudnya, subsidi itu terus diberi kepada syenderaan awam, lori kecil, peniaga, malah orang biasa asalkan ada kenderaan diesel dan mereka yang berpenda-

patan bawah RM100,000 setahun pun dapat RM200 sebulan," katanya.

Rafizi berkata, pelaksanaan penyusunan subsidi diesel juga membantu kerajaan mengagihkan subsidi itu kepada keluarga yang memerlukan secara bulanan berbanding membayar berbilion ringgit kepada syarikat minyak.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.95 bagi setiap liter iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula 12.01 tengah malam semalam.

Di bawah Budi Madani, bantuan tunai RM200 sebulan diberikan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.



"Kita mula melihat tanda-tanda ekonomi yang semakin baik."